

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

UTHM.PB/100-6/4/1Jld 2(08)

05 Februari 2014

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 02/2014

Semua Pengurus Bahagian

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**TAMBAHAN SERTA PINDAAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2008 DAN
PEKELILING BENDAHARI BIL. 14/2008**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai pindaan pada **Pekeliling Bendahari Bil. 2/2008, Garis Panduan Kadar Jamuan Urusan Rasmi, Mesyuarat, Kursus, Seminar Atau Bengkel Di Pusat Tanggungjawab Dan Universiti** serta **Pekeliling Bendahari Bil. 14/2008, Garis Panduan Kewangan Bagi Melaksanakan Program/Aktiviti Pelajar.**
- 1.2 Garis Panduan tambahan serta pindaan pada Pekeliling Bendahari Bil. 2/2008 dan Pekeliling Bendahari Bil. 14/2008 adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2014 mengenai Garis Panduan Perbelanjaan Berhemah Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam.

- 1.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Universiti Bil. 4/2013 telah memperakukan tambahan serta pindaan garis panduan berkenaan perkara di atas.

2. PINDAAN PADA KADAR JAMUAN

2.1 PINDAAN PADA PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2008

2.1.1 Pekeliling Bendahari Bil. 2/2008 adalah dipinda seperti berikut:

AKTIVITI	KADAR LAMA (RM)	KADAR BARU MAKSIMUM (RM)
Minum Pagi	3.50	3.00
Makan Tengahari	10.00 15.00 (Jemputan Luar)	8.00
Minum Petang	3.50	3.00

2.1.2 Kadar keraian untuk urusan rasmi, mesyuarat, kursus, seminar dan bengkel adalah sama untuk staf Universiti dan tetamu luar.

2.1.3 Pemohon adalah bertanggungjawab memastikan menu yang ditempah berpadanan dengan harga yang ditawarkan. Berikut sepertimana di **Lampiran 1** merupakan panduan menu dan harga kepada PTj sebagai rujukan.

2.1.4 Kadar keraian bagi seminar atau persidangan yang mengenakan yuran penyertaan kepada peserta dan bermotifkan keuntungan, boleh dikecualikan daripada kadar keraian seperti di Para 2.1.1.

2.2 PINDAAN PADA PEKELILING BENDAHARI BIL. 14/2008

2.2.1 Perenggan 4.3 Pekeliling Bendahari Bil. 14/2008 adalah dipinda seperti berikut:

Jenis Jamuan	Kadar Lama	Kadar Baru Maksimum
Sarapan pagi	RM2.50	Mansuh
Minum pagi	RM2.50	RM 2.50
Minum petang	RM2.50	RM 2.50
Minum malam	RM2.50	Mansuh
Makan tengahari	RM5.00	RM 5.00
Makan malam	RM5.00	RM 5.00
Jumlah	RM20.00	RM15.00

2.2.2 Makan malam hanya layak bagi aktiviti/program yang berterusan dari jam 8.00 pagi hingga 9.00 malam.

3.0 GARIS PANDUAN TAMBAHAN BAGI PERBELANJAAN KERAIAAN RASMI DI UNIVERSITI

3.1 Peringkat Mesyuarat

3.1.1 Mesyuarat yang dibenarkan untuk penyediaan jamuan di peringkat PTj adalah bagi mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua PTj dan korumnya hendaklah lima (5) orang atau lebih.

3.1.2 Mesyuarat yang melibatkan keahlian daripada pelbagai PTj adalah dibenarkan membuat tempahan jamuan dengan syarat keahlian mesyuarat hendaklah melebihi lima (5) orang.

3.1.3 Apa-apa jenis penyediaan jamuan untuk aktiviti mesyuarat, perbincangan dan pembentangan yang diadakan pada waktu pejabat semasa bulan Ramadhan adalah tidak dibenarkan walaupun berbentuk bungkusan.

3.2 Pemilihan Pembekal Makanan

3.2.1 Hanya pembekal yang berdaftar dengan Pejabat Bendahari dan telah mendapatkan suntikan *thypoid* sahaja yang dibenarkan untuk membekal makanan di dalam kawasan Universiti.

3.2.2 Pembekal makanan yang berdaftar ini diwajibkan mendapatkan suntikan *thypoid* dari Pusat Kesihatan Universiti. Ini adalah bagi menjaga kebersihan makanan yang dibekalkan dan mengelakkan jangkitan penyakit.

3.2.3 Pemilik syarikat yang membekalkan makanan dan tukang masak adalah diwajibkan mendapatkan suntikan seperti di Para 3.2.2.

4. PENGGUNAAN BORANG TEMPAHAN JAMUAN

4.1 Semua tempahan jamuan untuk mesyuarat yang dibenarkan hendaklah menggunakan Borang Tempahan Jamuan yang baru (BEN/UPY/011) dan borang ini boleh dimuat turun dari laman web Pejabat Bendahari.

4.2 Borang Tempahan Jamuan hendaklah diserahkan kepada pembekal makanan semasa membuat tempahan dan hendaklah dikembalikan semula kepada pihak Pusat Tanggungjawab oleh pembekal semasa penghantaran makanan.

4.3 Pihak yang menerima makanan adalah bertanggungjawab membuat penilaian ke atas mutu perkhidmatan pembekal yang dilantik.

5. PEMBATALAN

Perenggan 3.3 Pekeliling Bendahari Bil. 2/2008 dan perenggan 4.3 Pekeliling Bendahari Bil. 14/2008 adalah dibatalkan.

6.0 KUATKUASA SURAT PEKELILING

Butiran lain dalam Pekeliling Bendahari Bil. 2/2008 dan Pekeliling Bendahari Bil. 14/2008 selain daripada yang dinyatakan di atas adalah tidak berubah. Surat pekeling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan. Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



MISRO BIN JERUT

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

07-4537050

- s.k - YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Ketua Audit Dalam

CONTOH MENU UNTUK JAMUAN MINUM PAGI, MAKAN TENGAHARI DAN MINUM PETANG

JENIS JAMUAN	KADAR JAMUAN (RM)	CONTOH MENU
Minum Pagi	3.00 (Jamuan Ringan)	a. Kuih 3 jenis + air (manis) & air mineral cup
		b. 1 Sandwich + 1 jenis kuih + air (manis) & air mineral cup
		c. 1 Sandwich + 1 potong buah + air(manis) & air mineral cup
		d. Sup Cendawan + roti + air (manis)
		e. Set bubur + air (manis)
	3.00 (Jamuan Ringan-Makanan Ala Carte)	a. Set mee rebus + air (manis)
		b. Set mee kari + air (manis)
		c. Set Soto + air (manis)
		d. Set nasi goreng + air (manis)
		e. Set laksa + air (manis)
Makan Tengahari	6.00	a. Set nasi ayam + buah & air
		b. Set nasi tomato + buah & air
		c. Set nasi beringin + buah & air
		d. Nasi + ikan goreng + sayur + buah & air
		e. Nasi + ayam goreng + sayur + buah & air
	8.00	a. Nasi + ikan merah/unga asam pedas + sayur + ayam goreng + buah + air
		b. Nasi + ayam kurma + ikan goreng + sayur + buah + air
Minum Petang	3.00 (Jamuan Ringan)	c. Set Nasi baraini (ayam @ kambing) + buah + air
		a. Kuih 3 jenis + air (manis) & air mineral cup
		b. 1 Sandwich + 1 jenis kuih + air (manis) & air mineral cup
		c. 1 Sandwich + 1 potong buah + air(manis) & air mineral cup
		d. Sup Cendawan + roti + air (manis)
		e. Set bubur + air (manis)
	3.00 (Jamuan Ringan-Makanan Ala Carte)	f. Roti jala + air (manis)
		a. Set mee rebus + air (manis)
		b. Set mee kari + air (manis)
		c. Set Soto + air (manis)
		d. Set nasi goreng + air (manis)
		e. Set laksa + air (manis)
		f. Set rojak manis + air (manis)